



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS PENGHARGAAN PERKHIDMATAN YBHG.  
DATO' YANG DIPERTUA

## TARIKH / MASA / TEMPAT

13 OGOS 2018 (ISNIN)  
4.00 PETANG

TINGKAT 16  
MENARA MPSP  
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA  
BUKIT MERTA JAM

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Datin Hjh Che Limah Binti Hj Ujang**

Pengerusi PUSPANITA

**Encik Mohd Tahir Bin Othman**

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

**Encik Mat Nasir Bin Hassan**

Naib Yang DiPertua PESUKA

**Encik Mohamad Nizam Bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Puan Latifah Binti Razali**

Pengerusi KOSPEMA

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berhimpun pada petang ini untuk berada di Dewan Keraian MPSP pada petang yang cerai ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis MPSP, Puan Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai MPSP dan wakil-wakil persatuan-persatuan di MPSP yang hadir bagi meraikan saya.

**Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;**

Semenjak saya menjadi Yang Dipertua, pengerusi-pengerusi persatuan seperti PUSPANITA, ANULAE, PESUKA, PERMAI dan KOSPEMA dijemput untuk menghadiri setiap perjumpaan awam. Persatuan-persatuan ini adalah persatuan yang sah dan berdaftar, yang perlu memahami hala tuju yang dicita-citakan oleh penduduk Seberang Perai. Persatuan-persatuan perlu bergerak seiring dengan MPSP, membantu membangunkan Seberang Perai. Peranan mereka besar untuk mengisi ruang-ruang yang tidak dapat ditembusi oleh pengurusan, malahan mereka adalah pelengkap kepada sistem pentadbiran sedia ada. Mereka tidak dibayar gaji mahupun elaun oleh

MPSP sebagai pengerusi atau pemegang jawatan. Mereka bekerja tanpa jemu hanya berbekalkan keikhlasan dan kejujuran serta mahu melihat Seberang Perai meluncur maju bersama bandar-bandar ternama didunia.

Saya menyanjung tinggi kehebatan wira orange yang berada dijalanan pagi, petang, siang dan malam, berhujan serta berpanas demi meningkatkan kualiti kehidupan warga Seberang Perai. Tidak ketinggalan kepada semua warga kerja di berbagai peringkat yang tidak pernah jemu mencari dan menyelesaikan permasalahan dengan menggunakan berbagai resipi.

Saya juga menyanjung tinggi kehebatan Puan Setiausaha Perbandaran, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua unit dan semua pegawai pengurusan dan profesional yang menjadi rakan seperjuangan dan tunjang kekuatan MPSP. Kehebatan mereka tidak boleh dinafikan, kekurangan mereka tidak boleh dicela. Tidak ada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang memegang dan melaksanakan tujuh (7) persijilan ISO satu-satu masa, menanam 3,000 batang pokok serentak, mewujudkan *Upcycle Park* pertama di Malaysia dengan keringat, doa dan harapan untuk dijadikan sumbangan kepada rakyat bagi mengeratkan hubungan keluarga serta peningkatan nilai kehidupan dan untuk dijadikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri supaya menjadi Negeri Hijau pertama di Malaysia. Sekiranya ada PBT lain dapat menandingi MPSP, mana mungkin kita tersenarai dalam *Malaysia Book Of Record* bagi usaha-usaha yang tersebut di atas. Terkini MPSP menduduki

tangga teratas dengan pencapaian tahap cemerlang berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2017 Siri 1 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2018 di bawah Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indek Akauntability).

MPSP juga mempunyai Ahli Majlis-Ahli Majlis yang gigih bekerja, sentiasa berdampingan dengan rakyat serta menyelami denyut nadi kesusahan rakyat. Setiap kali bencana dan kesusahan, wajah-wajah Ahli Majlis ada di sana. Kegigihan serta keikhlasan ini menjadikan MPSP inklusif, *resilient*, kompetatif di hati rakyat dan pelabur. Inilah yang dikatakan Malaysia Baru, kerajaan dan rakyat berpisah tiada.

MPSP telah melahirkan ramai pemimpin ternama, Timbalan Menteri, Ahli EXCO, Wakil Rakyat, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, mantan Datuk Bandar, Bandar Raya Kuala Lumpur, Ketua Setiausaha Kementerian dan yang tersohor adalah Ketua Eksekutif UN HABITAT. MPSP juga merupakan PBT terbesar di Malaysia, mentadbir kawasan YB Menteri Kewangan, Timbalan Menteri Belia Dan Sukan, Timbalan Ketua Menteri 1, Speaker, Tmbalan Speaker, tiga (3) orang Ahli EXCO dan kawasan Ketua Pembangkang DUN Pulau Pinang. Seberang Perai bumi yang subur dan bertuah, berada di tangan pemimpin yang bertanggungjawab iaitu anda semua.

**Ahli-Ahli Majlis,Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;**

Pada hari ini tanggal 13 Ogos 2018 (Isnin) merupakan hari paling nostalgik dalam lipatan sejarah hidup saya. Pada hari ini merupakan tarikh terakhir saya berkhidmat sebagai penjawat awam selepas menyandang jawatan dalam kerajaan selama 36 tahun 1 bulan dan 28 hari yang bermula pada 6 Jun 1982 sehingga 13 Ogos 2018.

Pada kesempatan di ruangan ini, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kerana telah mengadakan majlis khas untuk saya. Saya mengucapkan penghargaan yang amat tinggi dan sangat teruja dengan majlis pada hari ini.

**Ahli-Ahli Majlis,Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;**

Saya ingin menceritakan sedikit sebanyak tentang kerjaya saya. Saya memulakan perkhidmatan dalam kerajaan pada 6 Jun 1982, di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia. Semasa di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta saya telah ditugaskan di beberapa negeri antaranya, Selangor, Kedah dan Pulau Pinang.

Saya mula berkhidmat di Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 1 Februari 1990 sebagai Penolong Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta. Pada 16 Januari 2002 saya dinaikkan pangkat menjadi Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MPSP dan seterusnya pada 1 Mac 2011 saya sekali lagi dinaikkan pangkat ke jawatan Setiausaha Perbandaran oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Di MPSP sahaja, saya telah berkhidmat selama 28 tahun.

Saya dilantik menjadi Yang Dipertua MPSP oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 3 Julai 2017 dan diberikan amanah dan tanggungjawab besar dalam merancang dan melaksanakan pembangunan yang seimbang serta memelihara alam sekitar demi kesejahteraan warga Seberang Perai.

**“MPSP By Design Not By Chance”** merupakan prinsip kerjaya saya dan diterapkan di kalangan semua warga kerja MPSP. Saya kerap kali mengingatkan semua warga kerja termasuk ketua-ketua jabatan supaya berwawasan serta merancang setiap kerja yang hendak dilakukan. Prinsip inilah yang saya percaya telah membawa MPSP terus cemerlang.

**“Management By Walking Around”** adalah gaya kepimpinan yang telah saya perkenalkan mulai Januari 2018 untuk memastikan semua Ketua

Jabatan serta ketua-ketua unit *hands on* dalam semua isu perbandaran di Seberang Perai.

Banyak kejayaan yang telah berjaya dilaksanakan bersama sepanjang perkhidmatan saya di MPSP. Perkara pertama yang saya bersama pasukan pengurusan MPSP laksanakan adalah merangka pembentukan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 yang merupakan dokumen hala tuju MPSP dalam tempoh lima (5) tahun dan merupakan satu (1) perancangan atau komitmen MPSP kepada semua *stakeholders* di Seberang Perai dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP.

MPSP kini mempunyai Visi, Misi, Slogan dan *Corporate Value* yang baru. MPSP mensasarkan untuk menjadi sebuah bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang 2022. Dengan menjadikan “*Seberang Perai is for All*” sebagai *guiding principal*, MPSP memacu ke arah inklusif dengan visi “***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi***”. Ianya menggambarkan komitmen serta usaha yang digembeleng oleh MPSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdaya huni dan juga mendokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yg pertama di Malaysia.



Penekanan untuk mencapai bandaraya rendah karbon adalah dengan menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022 dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurangan daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022.

Untuk mencapai hasrat ini MPSP memperkenalkan MPSP *Smart Comsumption Model 8R*, *Smart Partnership 7Ps*, *Upcycle Carnival* bersama JCI, *Growth Market* bersama Auto City, *Car Free Morning* bersama MyShape dan Think City, *Eco Theraphy* melalui *Forest Bathing* dan program *Care for the Elderly* bersama MNC, program penanaman pokok dsb. Selain itu, saya bersama Ahli Majlis, Wakil ADUN, JKKK, Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangan juga sering turun padang dalam “**Management By Walking Around**” untuk memberi penjelasan dan menyelesaikan sebarang masalah penduduk Seberang Perai. Dengan sikap proaktif sebegini melalui kaedah mendengar masalah penduduk dan mencari penyelesaian telah menaikkan imej korporat MPSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pelbagai anugerah yang telah kita sandang dari dalam dan luar negara di mana pada tahun ini (2018) sahaja iaitu pada 2 Februari 2018, kita telah menerima *Sijil Malaysia Book of Records* kerana menjadi Agensi Kerajaan yang pertama menerima tujuh (7) Pensijilan iaitu:-

- i. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS),
- ii. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015 (EMS),
- iii. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS)
- iv. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
- v. Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti (5S)
- vi. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS)
- vii. Sistem Pengurusan Anti-Suapan/Sogokan ISO 37001:2016 (ABMS).

MPSP juga telah menerima anugerah *Special Honour Award* bagi *Government Category: Green Initiatives Awards* bagi Projek *Butterworth Fringe Festival: A Creative Placemaking In Urban Public Spaces* di Majlis *Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA)*, *Gala Dinner* oleh *Institute Of Landscape Malaysia (ILAM)* pada 21 April 2018. Tahniah diucapkan

kepada Unit Butterworth Baharu dan semua jabatan sokongan atas kejayaan ini.

Dalam Majlis Konvensyen Mini Team Excellence (MTEEx) 2018 Wilayah Tengah oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24 April 2018, MPSP telah dianugerahkan *Silver Award* atas kejayaan mewujudkan dan membangunkan *Upcycle Park*. *Upcycle Park* ini merupakan taman awam yang pertama dibangunkan di Malaysia yang mempunyai keunikan tersendiri dengan menyediakan ruang yang dilengkapi dengan barangan *upcycle* yang diperbuat daripada bahan-bahan terbuang dan terpakai seperti tayar kereta, tayar motosikal, kayu palet, botol plastik, basikal, kain terpakai dan lain-lain lagi. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Landskap, Jabatan Kejuruteraan, jabatan sokongan serta Wira Orange MPSP atas kejayaan ini.

Selain itu, MPSP juga telah dianugerahkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf 5 bintang berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan dianugerahkan Sijil Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 pada 17 Mei 2018 oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Pada 23 Julai 2018 pula, pasukan KIK MPSP 2018 telah berjaya menjadi JOHAN Konvensyen KIK 2018 peringkat Negeri Pulau Pinang yang

telah berlangsung di Auditorium A, Komtar dengan tajuk "SPARK: Sistem Amaran Paras Air Kawalan Banjir". Pasukan KIK 2018 kali ini terdiri daripada wakil Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan & Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi. Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kerjasama semua pihak atas kejayaan-kejayaan yang saya nyatakan tadi.

MPSP juga telah menerbitkan Buku "*MPSP's Leaders Paving The Way For The Future*" iaitu yang merupakan perjalanan kejayaan MPSP bermula pada tahun 2008 bertujuan untuk menceritakan usaha-usaha, kesungguhan dan cabaran yang dilalui oleh seorang Yang Dipertua dalam menerajui MPSP dalam mencapai aspirasi semua *stakeholders* dan komuniti di Seberang Perai.

Tahun ini juga menyaksikan pengiktirafan kali kedua dalam *The Malaysia Book of Records (MBR)* untuk "*First Organisation To Develop Upcycle Park*".

Penyampaian Sijil Penghargaan KPI 100% Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) Selesai Dalam Tempoh Piagam Kepada Ahli Jawatankuas OSC. Bagi tempoh 1 Januari 2018 sehingga 28 Julai 2018 (hari ini), sebanyak 73 Permohonan Kebenarang Merancang atau 100% permohonan

telah berjaya diselesaikan dalam tempoh piagam. Pencapaian ini adalah kali pertama dalam sejarah OSC MPSP.

**Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;**

Saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan MPSP dan kesemua persatuan di bawah MPSP atas sokongan padu dan kerjasama penuh dalam membantu saya melaksanakan perancangan dan pembangunan di Seberang Perai ini.

Pada kesempatan ini juga, saya mengambil peluang untuk memberi kemaafaan kepada semua pihak dan mengizinkan segala perkongsian ilmu yang didapati daripada saya. Dalam masa yang sama, saya juga ingin menyusun sepuluh jari dari hujung kaki sampai ke hujung rambut untuk memohon maaf daripada semua pihak jika terdapat sebarang kesilapan dan kesalahan, baik yang berlaku dengan sengaja atau pun tidak dengan sengaja sepanjang saya bertugas di MPSP.

Saya amat mengharapkan sumbangan dan peranan saya di MPSP ini memberi manfaat kepada warga kerja MPSP serta warga Seberang Perai secara keseluruhan dan mengharumkan nama baik MPSP dan Seberang Perai di peringkat dalam dan luar negara

Walaupun saya akan mulai persaraan saya, roh, semangat, jiwa dan sanubari saya masih utuh dan sedia menyumbang bakti untuk kemajuan pembangunan masyarakat Seberang Perai.

Saya mendoakan dan mengharap agar tuan-tuan dan puan-puan menggunakan ilmu yang dimiliki pada diri masing-masing dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.

**Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian;**

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MPSP, semua jabatan MPSP yang terlibat, para hadirin sekalian yang memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, "*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*" dapat direalisasikan.

Tuai padi antara masak,  
Esok jangan layu-layuan;  
Intai kami antara nampak,  
Esok jangan rindu-rinduan

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**